

Ibu terlalu aktif politik

Tanggungjawab keluarga diabaikan, emosi sering berubah

? Ibu saya seorang ahli politik yang sangat aktif sehingga mengabaikan tanggungjawab kepada keluarga. Sebelum terbabit dengan politik, kami mempunyai masa bersama-sama. Kini, kegembiraan berkeluarga hampir lenyap kerana ibu lebih taksub berpolitik. Keluarga sekarang kurang difikirkan. Satu lagi masalah ialah sikap dan emosi ibu semakin berubah.

Saya risau memikirkan keadaan ibu yang sering marah-marah apabila pulang dari perjumpaan atau mesyuarat politik. Saya tidak tahu apa sebenarnya yang berlaku, mungkin ada kaitan dengan dirinya yang sering dicantas dalam politik.

Saya sangat berharap ibu tidak terlalu kuat berpolitik kerana sering dipermainkan. Bagi saya, lebih baik ibu beri saja perhatian kepada keluarga. Bukan saya tidak suka ibu berpolitik, tetapi saya dan adik-adik juga memerlukan perhatian ibu.

ANAK AHLI POLITIK, Selangor

! Menjadi ahli politik satu kerjaya yang baik jika dilakukan den-

gan bijaksana dan adil. Imam Al-Ghazali menjelaskan, ibu segala akhlak ialah tempat kebijaksanaan, keberanian, kesucian diri dan keadilan.

Seterusnya dalam sistem keluarga, peranan seorang ibu penting dalam perkembangan dan pembentukan anak-anak. Kasih sayang dan tanggungjawab ibu kepada anak-anak berlaku sepanjang hayat tanpa mengira jawatan atau kerjaya yang dipegang.

Nilai baik atau positif ibu bapa disemai kemudian dipelajari dan dicontohi anak-anak yang selalunya belajar melalui teladan. Pengorbanan dan tanggungjawab mereka menjadi keinginan dan keperluan anak-anak dalam proses mereka membesar.

Setiap individu mempunyai minat tersendiri dalam bidang kerjaya. Ibu minat berpolitik dan tidak salah berbuat demikian kerana ia adalah kerjaya yang dapat

memenuhi keperluan personaliti dan ciri diri ibu.

Individu yang berjaya dalam kerjaya secara kesejahteraan psikologi dan mentalnya adalah lebih sihat.

Ibu adik memilih politik sebagai bidang kerjayanya. Justeru, ibu perlu bertanggungjawab atas segala kesannya tanpa mengira positif atau sebaliknya.

Tuntutan kerjaya ibu memerlukan untuk bijak mengimbangi antara keperluan diri dan keluarga. Pemimpin atau ahli politik yang baik ialah mereka yang bijak mengurus masa dan emosi.

Meletak keutamaan di tempat yang betul antara menjadi seorang pemimpin dan ibu yang baik adalah penting. Ibu juga perlu bijak mengawal diri dan emosi supaya tidak terbawa-bawa segala perasaan negatif bila pulang ke rumah.


Nilai baik dalam berpolitik dan tidak terikut-ikut

dengan amalan pantas mencantas menjadikan seorang ahli politik itu tinggi integriti dan berwibawa.

Ibu adik meminati politik. Tentu dia sendiri sudah tahu risiko menceburi bidang ini dan bersedia untuk memikul sebarang kesannya.

Adik boleh memberitahu ibu perasaan kerisauan adik. Namun, bukanlah sesuatu yang mudah bagi seorang anak untuk memberitahu sifat tidak baik ibunya. Bak kata pujangga, nasihat itu mudah, yang musykil ialah menerimanya kerana ia pahit terasa kepada si hamba hawa nafsu, sebab barang yang terlarang sangat disukainya.

Adik perlu memberitahu kerisauan adik kepada ibu adik dengan berhemah. Buangkan emosi dan berbingcang secara rasional. Hormati ibu sewajarnya. Ibu perlu bijak mengimbangi antara perniagaan, minat berpolitik dan keluarganya.



Jejaka tidak cukup duit untuk kahwin



? Saya berumur pertengahan 20-an dan bekerja selama tiga tahun. Saya lulusan universiti dan mempunyai kerjaya yang agak baik.

Memandangkan saya bekerja di bandar besar, perbelanjaan hidup seharian juga agak tinggi, saya mengaku sering keluar dengan rakan-rakan untuk makan di luar. Mungkin ini antara sebab mengapa saya tidak dapat menyimpan wang.

Saya mempunyai seorang teman wanita yang baik dan kami berkenalan sejak setahun lalu. Saya tiada masalah dengan dirinya malah keluarga saya merestui perhubungan kami. Pejabat kami berhampiran dan kami selalu juga berjumpa.

Hubungan cinta sama cinta kami membawa keinginan untuk mendirikan rumah tangga. Kami merancang untuk berkahwin secepat mungkin untuk

mengelak perkara tidak baik berlaku.

Masalahnya, saya masih tidak cukup duit untuk berkahwin. Saya amat risau kerana tidak tahu bagaimana menyimpan duit dengan lebih berkesan supaya dapat digunakan untuk perkahwinan. Bantulah saya mencari penyelesaian ini.

JEJAKA KURANG MAMPU, Kedah

! Dr menghargai niat suci adik untuk berumah tangga. Adik dan teman wanita sudah agak lama berpasangan. Sudah tiba masanya kasih sayang kalian berdua diikat dengan satu ikatan yang suci.

Individu yang ingin mendirikan rumah tangga boleh mengelak daripada melakukan perkara yang tidak diinginkan seperti maksiat. Dr

empati dengan masalah adik yang masih tidak mempunyai simpanan yang mencukupi untuk berkahwin.

Jika adik benar-benar serius untuk berkahwin, cuba usahakan sebuah majlis perkahwinan yang memenuhi keadaan kewangan adik.

Adik perlu merancang kewangan adik untuk tujuan perkahwinan tersebut. Buat satu pelan simpanan dan dapatkan nasihat dari institusi kewangan atau pakar kewangan dalam perkara ini.

Adik juga boleh membaca buku berkaitan. Sikap jimat cermat boleh membantu adik dalam menguruskan simpanan untuk tujuan perkahwinan dengan baik. Saidina Umar berkata: "Awat! Janganlah kamu melampau dalam memberi mas kahwin kepada wanita kerana sesungguhnya jika wanita itu seorang yang

mulia di dunia atau seorang yang bertakwa di sisi Allah, nescaya Rasulullah SAW orang yang paling utama berbanding kamu dalam memberi mas kahwin yang banyak. Padahal aku tidak pernah mengetahui Rasulullah SAW berkahwin dengan mana-mana isterinya atau mengahwinkan mana-mana puterinya dengan mas kahwin lebih daripada 12 waqyah." (Hadis riwayat Al-Tirmizi) kaunselor dapat mengurangkan tekanan hidup. Mencari riadah yang bersesuaian, beribadah juga amat membantu.

Dr harap kehidupan yang adik lalui akan menjadi guru terbaik untuk melangkah dan terus melangkah tanpa rasa putus asa akan kehidupan. Setiap ujian dan dugaan akan sentiasa hadir di setiap detik. Apa yang lebih penting ialah untuk bangun dan bangkit melawan segala dugaan dan kegagalan.